# Kata Penguat

## Info Kata Penguat

Kata penguat ialah kata yang mendahului atau mengikuti kata adjektif dan berfungsi untuk menguatkan maksud kata adjektif.

Kata penguat terbahagi kepada tiga jenis, iaitu:

| Bentuk | Contoh |
|---|---|
| **Kata Penguat Hadapan**<br><br>- Digunakan di hadapan kata adjektif | paling<br>terlalu<br>agak |
| **Kata Penguat Belakang**<br><br>- Digunakan di belakang kata adjektif | nian<br>sekali<br>betul<br>benar |
| **Kata Penguat Bebas**<br><br>- Digunakan di hadapan dan belakang kata adjektif | sangat<br>sungguh<br>amat |

*amat, sangat* dan *sungguh* boleh diikuti dengan sekali.
Contoh : *sungguh baik sekali*
*amat baik sekali*
*sangat baik sekali*

*paling*, *terlalu* dan *agak* tidak boleh diikuti dengan sekali

Isi tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah dengan jawapan yang **paling sesuai.**

**1** _______________ pantas kuda berwarna putih itu berlari.

**A** Nian
**B** Benar
**C** Sekali
**D** Terlalu

**2** Haiwan yang ____________ besar di darat ialah gajah.

**A** betul
**B** benar
**C** sekali
**D** paling

**3** Antara batu permata itu, berlian yang ____________mahal.

**A** paling
**B** sekali
**C** benar
**D** betul

**4** Rasa kopi yang dibancuh oleh Ros __________ manis.

**A** nian
**B** agak
**C** betul
**D** benar

**5** Arumugam merupakan penjaga gol pasukan negara yang __________ handal.

**A** paling

**B** sekali

**C** betul

**D** nian

**6** Tulisan Sulaiman _________ cantik dan kemas.

**A** sungguh

**B** sekali

**C** benar

**D** nian

**7** Cerita yang dikarang oleh Maniam itu _________ menarik.

**A** amat

**B** betul

**C** benar

**D** sekali

**8** Rasa buah durian tembaga itu _________ sedap.

**A** betul

**B** benar

**C** sekali

**D** sangat

**9** Sang Kancil merupakan haiwan yang __________ pintar.

**A** paling

**B** sekali

**C** betul

**D** nian

**10** “ ________ cantik pemandangan  yang kamu lukis ini,” puji Halim kepada Zainal.

**A** Sungguh

**B** Sekali

**C** Betul

**D** Nian

**11** Biskut coklat yang dibuat oleh Mak Cik Yam ____________rangup.

**A** sekali

**B** betul

**C** amat

**D** nian

**12** Suhu di dalam bilik hotel ________ sejuk sehingga saya menggigil.

**A** terlalu

**B** sekali

**C** betul

**D** nian

**13** Pantas ___________ kuda putih itu berlari meninggalkan kuda-kuda yang lain.

**A** agak

**B** sekali

**C** paling

**D** terlalu

**14** Haiwan yang besar ___________ di air ialah ikan paus.

**A** agak

**B** paling

**C** sekali

**D** terlalu

**15** Antara murid Tahun 6 Rajin, Murni yang tinggi ___________.

**A** paling

**B** sekali

**C** agak

**D** terlalu

**16** Nescafe yang dibancuh oleh Ratni manis_________rasanya.

**A** agak

**B** benar

**C** terlalu

**D** paling

**17** Pesawat itu mendarat dengan laju _______ lalu terbabas di hujung landasan.

**A** paling

**B** sekali

**C** agak

**D** terlalu

**18** Tulisan tangan Salina cantik dan kemas_________.

**A** terlalu

**B** paling

**C** benar

**D** agak

**Soalan 19 dan Soalan 20**

Semua jawapan untuk ayat di bawah adalah **betul** kecuali

**19** Cerita yang dikarang oleh Murally itu menarik _________ .

**A** amat
**B** betul
**C** agak
**D** sekali

**20** Rasa buah durian tembaga sedap _________.

**A** agak
**B** benar
**C** sekali
**D** sungguh

**Soalan 21 dan Soalan 24**

**Pilh penggunaan kata penguat yang betul.**

**21** Pintar __________Sang Monyet kerana berjaya menipu Sang Harimau yang garang itu.

**A** sungguh
**B** terlalu
**C** paling
**D** agak

**22** “Cantik ________ gambar yang kamu lukis ini,” puji Halim kepada Zainal.

**A** terlalu
**B** paling
**C** benar
**D** agak

**23** Puding jagung yang dibuat oleh kakak lembik ___________.

**A** agak
**B** betul
**C** paling
**D** terlalu

**24** Air sungai itu jernih __________ sehingga kelihatan ikan-ikan di dalamnya.

A amat
B agak
C paling
D terlalu

Soalan 25 hingga soalan 30.

**Pilih penggunaan kata penguat yang betul.**

**25** **A** Bodoh nian kamu jika cepat mempercayai kata-kata jurujual itu.
**B** Sungguh kurang sopan perangai kamu.
**C** Betul kurus kamu sekarang.
**D** Lembut nian kek yang dibuat oleh Mazni itu.

**26** **A** Gulai lemak kepala ikan yang emak masak enak betul.
**B** Soalan-soalan ujian Bahasa Melayu kali ini susah paling.
**C** Datuk dan nenek paling gembira apabila cucunya pulang ke kampung.
**D** Kebun datuk kelihatan nian hebat di kampung itu.

**27** **A** Perangai budak-budak itu baik sekali.
**B** Kek yang dibuat oleh Kak Ummi nian lembut.
**C** Pahlawan Melayu yang nian handal ialah Hang Tuah.
**D** Keris Taming Sari itu tajam paling

**28** **A** "Awal <u>terlalu</u> kalian sampai pagi ini," kata Encik Ali kepada anak buahnya.

**B** "Mengapakah <u>nian</u> lambat awak ke sini?" tanya Encik Tan kepada Swee Meng.

**C** "Siti <u>paling</u> cantik di mata para peminatnya," jelas seorang peminat kepada seorang wartawan hiburan.

**D** "Sarifah berbaju amat tercantik pada pagi ini," kata rakan-rakannya.

**29** **A** Ramai <u>sekali</u> pengunjung berkelah di Teluk Batik.

**B** Makanan yang dijual di gerai itu <u>nian</u> murah dan sedap.

**C** Bangunan itu adalah yang paling tertinggi <u>sekali</u> di bandar Teluk Intan.

**D** <u>Benar</u> sukar untuk menjawab soalan-soalan yang dikemukakan ini.

**30** **A** Anak kucing itu comel <u>sangat</u>.

**B** Suara penyanyi popular itu <u>betul</u> merdu.

**C** Nani berasa paling <u>amat</u> lega kerana semua kerjanya telah siap.

**D** Rasa buah mangga muda itu kelat <u>paling</u>.

**Soalan 31** hingga **Soalan 36**
**Pilih ayat-ayat yang yang betul.**

**31** **I** Cuaca pada hari ini panas betul.

**II** Samad sekali kurang minat untuk belajar.

**III** Pemandangan di Pulau Kapas amat indah

**IV** Sally kelihatan sungguh manis apabila berbaju kurung.

**A** I dan II

**B** III dan IV

**C** I, II dan III

**D** I, III dan IV

**32** **I** Ruang bilik ini sangat sempit.
**II** Cantik nian puteri-puteri di dalam istana itu.
**III** Tukang masak itu handal paling memasak makanan barat.
**IV** Kawan-kawan Ramli sering mengganggunya kerana sikapnya yang lembut terlalu.

**A** I dan II
**B** III dan IV
**C** I, II dan III
**D** I, III dan IV

**33** **I** Betul cantik tulisan kamu.
**II** Ibu jatuh sakit kerana sangat sedih setelah kematian ayah.
**III** Saya berasa senang sungguh apabila awak dapat membantu saya.
**IV** Pertumbuhan ekonomi negara meningkat ke tahap yang paling tinggi.

**A** I dan II
**B** II dan III
**C** I, III dan IV
**D** II, III dan IV

**34** **I** Comel nian anak kucing ini.
**II** Nian gemuk badan awak sejak kebelakangan ini.
**III** Mengapakah mahal sangat baju kegemaran saya ini?
**IV** Mengapakah lambat agak awak mula mengulang kaji pelajaran?

**A** I dan III
**B** III dan IV
**C** I, II dan III
**D** I, III dan IV

**35** **I** Persembahan penyanyi itu hebat sekali.

**II** Makanan yang dimasak oleh ibu amat sedap sekali.

**III** Kura-kura amat gembira apabila berjaya mengalahkan arnab.

**IV** Dia berasa teramat gembira sekali setelah menjuarai pertandingan itu.

**A** I dan II

**B** III dan IV

**C** I, II dan III

**D** II, III dan IV

**36** **I** Chef Ali merupakan tukang masak yang handal paling di hotel itu.

**II** Kenapakah mahal sangat harga ikan di pasar malam itu?

**III** Comel sungguh bayi perempuan Puan Lim itu.

**IV** Cis, sungguh malangnya nasibku ini!

**A** I dan II

**B** I dan III

**C** II dan III

**D** III dan IV

**Jawapan Kata Penguat**

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | D | 13 | B | 25 | B |
| 2 | D | 14 | C | 26 | A |
| 3 | A | 15 | B | 27 | A |
| 4 | B | 16 | B | 28 | C |
| 5 | A | 17 | B | 29 | A |
| 6 | A | 18 | C | 30 | A |
| 7 | A | 19 | C | 31 | D |
| 8 | D | 20 | A | 32 | A |
| 9 | A | 21 | A | 33 | D |
| 10 | A | 22 | C | 34 | A |
| 11 | C | 23 | B | 35 | C |
| 12 | A | 24 | A | 36 | C |